

|            |                               |             |                    |
|------------|-------------------------------|-------------|--------------------|
| Headline   | Waspada risiko selepas banjir |             |                    |
| MediaTitle | Kosmo Ahad                    |             |                    |
| Date       | 08 Jan 2017                   | Color       | Full Color         |
| Section    | Semasa                        | Circulation | 197,202            |
| Page No    | 6                             | Readership  | 875,000            |
| Language   | Malay                         | ArticleSize | 68 cm <sup>2</sup> |
| Journalist | N/A                           | AdValue     | RM 1,765           |
| Frequency  | Daily                         | PR Value    | RM 5,295           |



**TENAGA NASIONAL**  
*Better. Brighter.*

## Waspada risiko selepas banjir

**KUALA LUMPUR** – Tenaga Nasional Bhd.(TNB) menasihatkan orang ramai agar tidak menggunakan peralatan elektrik yang terendam dalam banjir bagi mengelakkan kejadian renjatan elektrik.

Ketua Pegawai Korporatnya, Datuk Wira Roslan Ab Rahman berkata, peralatan elektrik dan pendawaian yang terendam dalam air boleh menyebabkan litar pintas atau kebakaran seterusnya berpotensi mencederakan.

"Pegguna perlu memastikan suis elektrik dan perkakas elektrik yang terendam dalam air banjir diperiksa dan diuji terlebih dulu oleh kontraktor elektrik yang berdaftar dengan Suruhanjaya Tenaga sebelum menggunakannya semula.

"Selain itu, ibu bapa perlu mengawasi pergerakan anak-anak mereka supaya tidak menghampiri tiang elektrik yang tumbang dan kabel elektrik yang putus semasa banjir kerana wayar elektrik sentiasa berisiko walaupun ianya bertebat," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.